

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: PROGRAM  
PERKAMPUNGAN SUNAH SIRI KE-9 TAHUN 2024**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 03/05/2024

---

**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA  
PROGRAM PERKAMPUNGAN SUNAH SIRI KE-9 TAHUN  
2024**

**TAJUK:  
JIHAD MEMBINA NEGARA**

**3 MEI 2024 (JUMAAT) | 8.00 MALAM**

**PENTAS UTAMA, PERKARANGAN MASJID ALWI  
KANGAR, PERLIS**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam

sejahtera.

Alhamdulillah Thumma Alhamdulillah  
Wa Maa Tawfeeqeee Waktusaami Illa Billaah Alaihi Tawakkaltu  
Wa Ilaihi Uneeb  
Alhamdulillahil Qawiiyyil  
Waman Ahsanu Qawlan Mimman Daaa Ila Allahi Waaamila  
Salihan Waqala Innanee Minaal Muslimeen  
Wa Nusalli 'ala Rasulihi'l Karim wa Aala Aalehi wa sahbehi  
Ajmaeen

**Tuan Mohd Shukri bin Ramli,**  
Menteri Besar Perlis;

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil,**  
Menteri Komunikasi

**Datuk Prof Dr Mohd Asri Zainul Abidin,**  
Sahibus Samahah Mufti Perlis

Setiausaha Kerajaan Negeri;  
Rakan rakan yang saya muliakan;  
Para alim; dan saudara-saudari.

1. Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT

depan para sarjana, ulama dan mufti. Saya diberikan tugas yang memang dan oleh itu saya dengan rasa rendah diri memohon maaf kerana kemungkinan mutu perbicaraan itu tidak sepantas dan sehandal teman-teman berbicara banyak hari dan malam ini.

2. Kita berdepan dengan suatu kemelut yang sengit dalam dunia yang sangat mencabar. Beberapa hari yang lalu saya baru kembali dari Riyadh atas undangan Putera Diraja Arab Saudi, Putera Mohammed bin Salman untuk membicarakan tentang ekonomi dunia tetapi tentunya perkembangan mutakhir Gaza. Sepertimana yang saya pernah ungkapkan sebelum ini yang sangat prihatin dan ialah kelesuan suara pimpinan negara-negara Islam, hilang upaya dan kekuatan untuk menyatakan sikap yang keras dan tegas, menghentikan kezaliman, penjajahan manusia ke atas manusia dan oleh yang demikian kerakusan, kezaliman Zionis Israel berterusan. Dengan dukungan beberapa negara barat, khususnya Amerika Syarikat, saya tidak mewakili negara besar, saya mewakili negara sederhana dengan kekuatan ekonomi yang sederhana, tetapi saya tidak boleh lihat kelesuan hari ini dan mengizinkan. Sebab itu saya terima perkara ini sebagai mandat sama ada berdepan dengan Joe Biden, Amerika Syarikat atau yang paling akhir Canselor Olaf Scholz, Jerman. Kita menyatakan pandangan umat Islam Malaysia dan rakyat Malaysia umumnya yang percaya umat Islam dunia yang merasa hampa, kesal dan mengecam terus kezaliman.

3. Saya tidak berhajat memanjangkan isu ini tetapi menggambarkan betapa relevannya tajuk Jihad dalam negara ini. Perkembangan mutakhir ini meyakinkan saya bahawa Malaysia terus diletak dalam dasar yang betul, mesti sedia membawa perubahan dan reform yang selalu ditekankan oleh Datuk Mufti. Tidak boleh kekal dan selesa ditahap yang lama, baik dari kefahaman kita, fikiran kita, sikap kita dan kesediaan kita dalam meletakkan asas yang lebih kukuh termasuk cabaran-cabaran yang disebut menggapai langit dengan teknologi baru, dengan digital, dengan artificial intelligence, dengan transisi atau peralihan tenaga dan harus kekal berakar kepada kekuatan aqidah, akhlak dan nilai.
  
4. Saya cuba cerakinkan dalam konsep dan falsafah Malaysia MADANI, walaupun kita tahu ia harus dilakar sebagai satu konsep yang boleh diterima oleh masyarakat Islam dan bukan Islam di negara kita. Kerana saya yakin, saya tegaskan semula, tanpa kesediaan kita merubah dalam erti kata yang sebenar, “In Ureedu Illal Islaaha Mastata’u”, maka saya tidak percaya kita akan mampu berdepan dengan cabaran semasa. Ini jawapan, bagaimana kita boleh mulakan soal sikap dan jihad membawa perubahan ini. Semua kita bicara, kita tahu makna perjuangan itu, bukan sahaja selesa hidup dan tidur, dan lesu, tidak mungkin ada perubahan
  
5. Kita tahu tradisi latihan (tadrib), mengasaskan kekuatan yang disebut sebagai kumpulan kukuh para sahabat

tentunya dengan kekuatan keimanan, akhlak dan nilai. Ini yang kita faham, tentang bagaimana surah-surah awal, “muzammil” dan “muddafir”, “Hum Faanzir, Warabbaka Fakab Fakabbbir, Waiiya Fattah Fattahir” itu tidak lain daripada kematangan bangun dari kealpaan. Bangun daripada kelalaian dan kecuaiian kita, sama ada dari kepimpinan politik, para ulama, sarjana, petani, nelayan, pekerja harus bangun kalau mahu adakan, wujudkan perubahan dan angkat martabat masyarakat kita, kita mesti sedia untuk bawa perubahan. Bukan selesa dan kekal dengan fahaman lama, tidak mungkin melonjakkan negara dan kekuatan ekonomi kita dan masyarakat dan umat ini.

6. Belajarlah dari pengalaman, janganlah sejarah lama, sejarah kini dalam negara-negara Islam umumnya, lesu, tiada kekuatan, hilang sifat keberanian untuk melontarkan faham dan sikap mempertahankan anak-anak kecil dan wanita yang disepak terajang, dibunuh sesuka hati, kerana apa? Kerana tidak ada kekuatan dalaman. “Hum Faanzir, Warabbaka Fakab Fakabbbir, Waiiya Fattah Fattahir” itu sangat relevan kalau kita hendak bawa perubahan.
  
7. Kalau tidak ramai berbicara, saya dengar semasa saya masih bersekolah lagi, ustaz-ustaz membaca, mengingatkan kita dan kita hafal bagaimana mengorak langkah dalam perjuangan. Tetapi penafsiran ikut minat masing-masing, sentimen masing-masing, tidak mendorong kepada perubahan, semuanya hafal. Wallazee najahadu fiimayannahum subulana, waiinaallahala muhsinin, apakah

benar kita bawa perubahan, apakah benar kita bawa dengan keyakinan kita. Kita bicara jihad, kita kenang Umar Abdul Aziz, pejuang dan halifah besar, ada yang mengatakan kerana waraknya, kerana zuhudnya, benar. Tetapi dalam negara jihad Ummar itu kerana tatakelolanya, kerana benci dan menolak rasuah dan kerakusan. Jadi jangan kita rasa lemah dan bosan bila dengar soal tatakelola dan rasuah kerana inilah yang menyebabkan negara kita yang memungkinkan martabat tinggi negara kita jatuh merundum kerana selesa. Ulamanya, sarjananya, pemimpin politiknya apatah lagi selesa sama ada bersekongkol atau lemah untuk melakukan perubahan. Izinkan kebobrokan itu berlaku.

8. Sebab itu kalau lihat pengalaman daripada Umar Abdul Aziz, tiada tolak ansur mengenai perkara ini. Tidak tolak ansur terhadap diri sendiri dahulu. Bila jadi Khalifah tentunya mamak bendaharanya, atau perdana menteriya maklumkan apa yang Khalifah mahu, tunjuk segala harta, emas, berlian, gandum. Itu semua hak Khalifah. Khalifah jawab, ini bukan hak dia, bukan hak peribadi. Pemimpin, Perdana Menteri, Menteri Besar dan Menteri-Menteri harus pegang amanah untuk mengatur bukan hak mereka untuk sakau sesuka hati. Sebab itu saya memohon doa daripada saudara-saudara dan dokongan sebab ini saya tidak akan sanggup untuk menyampaikan ucapan. Kalau dulu sebagai pendakwah biasa atau Presiden ABIM, saya berani, tetapi sebagai Perdana Menteri saya bertanggungjawab langsung kerana saya Ketua Eksekutif negara ini. Apabila saya kata, saya yang kena bawa contoh yang baik, jangan bawa sakau. Saya faham kekuatan Khalifah Umar Abdul Aziz di sisi itu,

sebab itu orang bicara, bagaimana dua tahun tiga bulan selesaikan masalah kemiskinan tegar? Itu tidak masuk dalam teori ekonomi, tidak terpakai, tidak mungkin. Tetapi mungkin, bukan hanya kerana pengurusan zakat sematamata, tetapi pengurusan ekonominya. Dana rakyat untuk rakyat, dana negara masuk dana negara.

9. Di zaman berikutnya, kita bicara soal Sultan Salahuddin Ayyubi. Saya dengar ramai penceramah, yang mengatakan Sallahuddin Ayyubi itu pejuang dia berperang, dia tawan Baitulmuqaddis. Iya, tetapi yang ditinggalkan itu apa? Bahawa dia itu atur tatakelola negaranya, rakyat kasih kerana dia tidak curi hak rakyat. Rakyat kasih kerana dia mengimarahkan masjid-masjid diberi ruang bebas untuk belajar dengan menjadikan masjid sebagai gedung dan pusat ilmu, dan mengawal negara supaya tidak diperkotakkatikkan oleh mana-mana kelompok yang memecahkan umat. Memberi ruang perbahasan yang baik, wacana yang segar, sebab itu, saya hormat. Saya hadir sebab saya dukung semangat memberikan ruang dan perbahasan yang sepatutnya ada dalam negara kita.
10. Kita harus betulkan kalau ada kegelisahan dari sesetengah pihak bahawa ada. Inilah yang disebut 'ikhtilaf', Ulama pun boleh jadi rahmat sekiranya dijaga dan dikawal supaya jangan jadi pergeseran yang boleh memecahkan. Dunia Islam semasa hebatnya dahulu kerap mengizinkan wacana yang meluas. Baitul Hikmah itu bagaimana Khalifah mendengar fahaman yang berbeda dan perbahasan,

pergelutan ulama didepannya dan diizin. Sebab itu kita harus bawa semangat sedemikian dan tidak membebankan rakyat untuk bercelaru dan bergaduh tetapi apa yang saya maksudkan pencerahan.

11. Bagaimana mungkin ada Islah, mana mungkin ada reform sekiranya tidak ada perbahasan yang mana pendekatan lebih baik. Balik kepada Sultan Salahuddin Ayyubi, apa yang tidak ditekankan? Inilah hikmah saya di Sungai Buloh, Saya mendalami tentang sejarah dan kitab-kitab Ummar Abdul Aziz, Salahuddin Ayyubi, saya baca sebanyak mungkin. Bila dicerakin sejarah secara teliti dan kita telaah betul-betul, rupa-rupanya ini sosok yang sangat sederhana, tidak menampilkan sosok yang keras, tegas ya dan tumpuannya mengimarahkan masjid sebagai gedung dan pusat ilmu.
  
12. Kemudian beliau bina kekuatan dalaman, takbir urus dengan baik, sekali lagi aspek tatakekola. Menolak segala kebejatan dikalangan pimpinan yang senang dengan kemewahan dan rasuah, ditangkis dengan begitu keras. Beliau bina kekuatan itu dan di beberapa wilayah keliling, semasa itu Kurdis, wilayah-wilayah yang dikuasai oleh Kristian dan Nasrani. Dia santuni, bukan jihad dengan memerangi wilayah-wilayah tersebut sebagaimana yang diungkapkan dalam sejarah. Beliau membina kekuatan dalaman dan menyantuni semua negara-negara jiran termasuk negaranegara bukan Islam sehingga beliau bina kekuatan yang hebat selama 10 tahun. Selama 10 tahun beliau bersabar dengan hikmah dan mengatur, kemudian baru berdepan

dengan King Richard, The Lionheart, raja yang pintar dari Inggeris, pertama kali dalam sejarah Eropah yang mampu menyatukan seluruh kekuatan Eropah untuk Perang Salib, the Crusade. Dan King Richard The Lionheart. Orangnya pintar, tegas dan mempunyai kekuatan ketenteraan superior pada ketika itu. Setelah bertarung sekian lama dikalahkan oleh Salahuddin Ayyubi. Jadi kalau kita hendak baca sejarah-sejarah daripada Sultan Salahuddin Ayyubi, jangan belajar tentang negara. Ini masalah pendidikan dan pendedahan kita. Ini jugalah sebab mengapa saya dukung semangat kesediaan untuk meningkatkan berwacana secara segera sepertimana yang diungkapkan the healthy reason discourse yang saudara-saudara anjurkan. Kerana ini akan memberikan kefahaman yang lebih mendalam dan tidak hanya pantas menghukum. Cepat sangat kerana kedangkalan ilmu ada dan mentaliti yang dikatakan mentaliti fikeh, yang tidak melihat Islam secara Syumul. Itulah yang saya hendak tekankan di sini pengalaman Sultan Salahuddin Ayyubi.

13. Untuk perjelasan ini, saya masih ingat, seorang penceramah terkenal berkata, dalam bab peperangan, umat Islam itu tewas dan menang semula, dan dia berikan satu analogi yang membingungkan saya dengan ayat yang maksud ringkasnya “golongan kecil yang mampu mengalahkan golongan besar”. Dalam peperangan itu tentera Islam kalah kerana lupa bersugi dan yang menang kerana bersugi. Mungkin benar tapi mungkin tidak benar, kurang waras saya fikir. Itu memberikan gambaran kepada anak muda menang perang bersugi. Sepatutnya dia beri

konteks, imannya kukuh, akhlaknya baik, ketenteraannya berdisiplin, logistiknya handal. Ini yang saya katakan pencerahan itu penting, teks dan konteks itu penting.

14. Apa yang saya cuba lakukan? Ini adalah asas. Saya tidak boleh nafikan bahawa sementara minat kita terhadap Islam itu meningkat, yang dikatakan gelombang kebangkitan Islam, tetapi yang nyata itu juga adalah kedangkalan itu ternyata. Saya juga terlibat dengan Maahad Fiqh, International Islamic Institute of Thought yang diasaskan oleh almarhum Ismail Al-Faruqi dan Sheikh Dr Taha Jabir Al Alwani, Ustaz Sufi. Imam Muhammad bin Saud, asalnya. Mereka rumuskan Malaise of the Ummah, kerosakan, kelembapan umat itu kerana kedangkalan ilmu dan kefahamannya. Dan kerana kedangkalan itu, maka kepantasan menghukum itu amat pantas, dan menafsir dengan cara yang mengelirukan. Pengalaman dalam sejarah di Mesir, ada ulama yang berbicara mengenai “Min Huna Nabda” oleh Syeikh Khalid Muhammad Khalid, ulama Azhar tetapi dia keliru sama ada nak ikut Islam yang murni atau nak ikut Barat. Dia tulis “Min Huna Nabda” from where do we start , dia nampak dari ilmu dan teknologi barat. Nasib baik dalam kalangan sarjana dan ulama tidak ketandusan para alim yang cergas, pintar dan waras, muncul Syeikh Muhammad al Ghazali, ulama Mesir dan Azhar yang menjawab, “Min Huna Na'lam” (our beginning in wisdom), iaitu mesti bermula dengan ilmu dan dikupas ilmu itu dengan hikmah (wisdom). Ini tulisan tahun 40 an, 50 an di Mesir yang masih relevan.

15. Oleh sebab itu, berlaku setelah perbenturan dan pergaduhan yang sengit setelah pembunuhan dan syahid di Hassan al Banna timbul pandang-pandang yang sosok dan iktijahad dan keras yang cepat menghukum lalu memunculkan orang-orang seperti Sheikh Hassan yang menulis tentang 'Dua laa Khuda'. Kita ini pendakwah jangan pantas menghukum. Pertama, silapnya yang menghukum itu bukan kita, itu tugas Qadi, tugas hakim, itu dia hukum, tugas kita berdakwah, menjelaskan dan memberikan pandangan. Itu sebab dijawab 'Dua laa Khuda'. Itu saya menjawab kupasan-kupasan sangat baik dan relevan untuk generasi muda dan sekarang kerana ia sangat.
  
16. Sebaik saya menerima mandat sebagai Perdana Menteri, saya minta Jakim segera menerbitkan Kitab Sheikh Thaha, Adab atau Etika Berbeda Pendapat Dalam Islam. Maknanya jika ada adab (ikhtilaf) dibolehkan berbeda pendapat dalam Islam, bukan soal-soal asas, soal furuq. Umpamanya ada yang saya belajar ketika kecil dahulu tidak betul, contohnya, seorang ustaz yang sangat baik mengajar asas fardhu ain tetapi ada penafsirannya yang agak mengelirukan. Katanya bagaimana gempa bumi berlaku? Menurut Kitab Muktabar, kitab kuning yang lama, katanya kerana ada lembu yang tanduk jaga dunia di atas tanduknya dan ada nyamuk yang besar sekali-sekala ketip lembu itu, maka lembu itu bergerak maka berlakulah gempa bumi. Satu kampung percaya, saya masa itu budak sekolah, tapi saya kata eh macam mana ini bertentangan yang kita belajar. Ini yang saya maksudnya betapa pencerahan itu sangat penting. Itu relevannya bila kita terus menganjurkan wacana yang segar supaya kita

dapat meningkatkan mutu kefahaman dan amal kita.

17. Selain daripada itu, langkah-langkah, perjuangan dan jihad dalam negara ini, tidak boleh kita bawa perubahan tanpa kita betulkan terlebih dahulu kerangka besarnya, iaitu tatakelola. Memimpin ini amanah, jangan rompak dan jangan jadikan amalan seperti itu sebagai biasa. Saya tahu ramai yang tidak senang. Saya begitu aneh kerana ada kelompok di Malaysia yang tidak suka istilah tatakelola. Amalan ini sudah sistemik saudara-saudara. Sistemik maknanya sudah berakar di dalam sistem. Jadi tolong bagi dokongan untuk kita selamatkan dan tidak bermaksud untuk menganiayai. Saya umum beberapa hari yang lalu kita naikkan gaji penjawat awam 15% mulai Disember, tetapi bagaimana hutang RM1.5 trillion dan defisit fiskal yang tinggi iaitu 5.5%, kita sudah turun 5% tahun ini dan in shaa Allah turun lagi tahun depan. Hal ini kerana kita boleh kawal pengurusan kewangan ini. Dan saya yakin ada barakah dan nikmatnya jika kita betul-betul tegas dan rigid dalam hal ini.
18. Bagaimana kita mahu mengajak orang ramai untuk bekerja bersungguh-sungguh, disiplin yang tinggi, kalau tidak kita berikan ganjaran yang adil kepada mereka. Justeru, saya bertanggungjawab untuk memastikan ini boleh berlaku.
19. Lain-lain program adalah peruntukan hal-hal berkaitan Islam. Saya menerima kritikan daripada kalangan orang bukan Islam bahawa saya nak paksa mereka belajar tentang

40 hadis, tetapi tidak diwajibkan. Tetapi saya hendak setiap pelajar Islam di Malaysia meningkatkan ilmu. Baca Matan Albaain, Imam Nawawi, 40 hadis, baca terjemahan, dan yang lebih penting baca syarahnya supaya dapat tingkatkan kefahaman dan diperinci oleh ulama-ulama dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman umat. Ini adalah kali pertama dalam sejarah kita mewajibkan semua pelajar Islam di seluruh negara menguasai beberapa kitab asas untuk meningkatkan kefahaman dan tidak hanya buku teks yang menetapkan perkara-perkara asas.

20. Dalam memaknai dan menterjemahkan amalan dan perjuangan jihad di negara ini, ada beberapa cabaran baru. Kalau kita tidak menguasai AI (artificial intelligence), transformasi digital, kita akan kalah kerana dalam semua bidang, pengurusan kerajaan, ketenteraan, polis, imigresen, swasta, pertanian, AI akan menguasai. Sekiranya kita tidak menguasai AI yang menentukan adalah orang lain, orang asing, orang barat, maka kita perlu menguasai dan menetapkan nilai AI itu kita yang tentukan. Semalam, CEO Microsoft datang ke Malaysia setuju untuk melabur RM10.5 bilion, saya tanya kepada dia, bagaimana tentang nilai, sistem kita, agama kita, budaya kita, akhlak kita, kita tidak mahu ikut AI yang ditentukan oleh Barat dan Amerika Syarikat. Jawapannya itu kepada rakyat Malaysia, AI itu ikut iklim, persekitaran dan kefahaman kita. Bahawa nilai dan agama, akhlak dan moral itu masuk dalam pengertian dan penafsiran AI.

21. Ini seperti komputer satu ketika dahulu, ada orang menentang kerana ada fonografi. Justeru, mesti bina kekuatan dalaman supaya menolak kebejatan itu. Samalah seperti AI dan digital. Tetapi kenyataan di Malaysia, minat anak-anak Melayu terhadap matapelajaran matematik dan sains kian menurun, kita kekurangan 30, 000 orang jurutera, penguasaan AI tidak tercapai sekiranya kita tidak mempunyai pemikiran asas ini. Oleh itu, sementara kita mahu Islam dihayati kerana bukan sahaja dibicarakan, maka penghayatan itu, sistem nilai termasuk dalam menentukan paparan AI.
  
22. Saudara-saudara saya mohon maaf sekiranya penyampaian ini tidak menepati maksud, inshaa-Allah, saya akan lakukan yang sebaiknya dan saya percaya Mufti dan rakan-rakan boleh memberikan pandangan dan nasihat yang wajar untuk saya perbaiki dan lakukan.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/05/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-program-perkampungan-sunah-siri-ke-9-tahun-2024/>